

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

## 'Lawatan Dr M peluang baik untuk berbincang'

KUALA LUMPUR, Selasa — Lawatan rasmi tiga hari Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Yugoslavia dianggap sebagai peluang yang baik untuk membincangkan tanggunjawab Unctad.

Wakil syarikat berita Yugoslavia, Tanjug, Dragomir Radlovojevic, juga menganggap lawatan itu sebagai satu peluang yang baik untuk bertukar-tukar fikiran mengenai tindakan bersama

kumpulan 77 yang disertai kedua negara.

Satu laporan yang diterima dari Belgrade berkata, Datuk Seri Dr Mahathir dan presiden Majlis Eksekutif Persekutuan Yugoslavia, Encik Milka Planing juga akan dapat membincangkan pelaksanaan keputusan-keputusan yang

dicapai di persidangan kemuncak negara-negara berkecuali ketujuh di New Delhi baru-baru ini.

Laporan itu berkata kedua negara terbabit dalam usaha untuk mendapatkan hubungan ekonomi dan perdagangan yang lebih baik terhadap dasar perlindungan ne-

gara-negara perusahaan dalam lingkungan dialog utara-selatan.

Selain itu, laporan itu berkata pengluasan kerjasama ekonomi dua hala juga akan diberi keutamaan.

Katanya, perdagangan antara kedua-dua buah negara terus meningkat sehingga tahun 1981 apabila ia mencapai ke paras AS\$62 juta (\$142.6 juta) di kedua-dua belah pihak.

— Bernama